92

NO. SOALAN: 441

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

SOALAN:

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha terkini Kerajaan untuk memperkasakan undang-undang syariah di Malaysia serta cabaran dan halangannya.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha ke arah memartabatkan undang-undang Syariah sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.

Dalam hal ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem perundangan Syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Bagi melaksanakan objektif Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah ini, dua jawatankuasa pelaksana ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Pemandu) dan Jawatankuasa Induk Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Induk). Keanggotaan kedua-dua Jawatankuasa ini terdiri daripada tokoh-tokoh dalam negara yang pakar dalam pelbagai disiplin termasuklah mereka yang pakar dalam undang-undang Syariah dan undang-undang sivil.

Antara fungsi Jawatankuasa ini ialah membuat syor kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Mahkamah Syariah termasuklah dari segi perundangan, pengurusan dan penstrukturan Mahkamah Syariah, latihan Hakim dan Pegawai Syariah, pendidikan undang-undang Syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan dan hal ehwal peguam Syarie.

Syor kepada Kerajaan tersebut akan dibuat berdasarkan dapatan daripada kluster-kluster yang diwujudkan di bawah Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah ini. Kluster-kluster tersebut berfungsi untuk mengenalpasti isu, halangan serta cabaran dalam

usaha memperkasakan mahkamah Syariah; dan seterusnya meneliti dan mengkaji serta mengemukakan cadangan penambaikan ke arah memperkasakan mahkamah Syariah di Malaysia.

Sehubungan itu, kerjasama daripada semua pihak amat perlu dalam memastikan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan undang-undang Syariah di Malaysia tercapai dan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.